

Upacara akad nikah Pak Lah hari ini

Panggilan rasmi isteri PM Datin Seri Jeanne Abdullah

BH - 9/6/2007.

Oleh Wan Hazmir Bakar, Anwar Hussin, Amirullah Andi Nur, Shamsul Azree Samshir dan Haika Ghazi

PUTRAJAYA: Majlis akad nikah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Jeanne Abdullah akan diadakan, di Seri Perdana, di sini, tengah hari ini.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri apabila memperbetulkan ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), Tan Sri Abdul Aziz Yusof, pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKDN, di sini, semalam.

"Tengah hari," kata Abdullah sebaik mendengar Abdul Aziz menyatakan majlis pernikahan itu diadakan pada sebelah pagi.

Pejabat Perdana Menteri ketika mengumumkan pernikahan itu Rabu lalu, hanya menyatakan majlis berkenaan akan diadakan, di Seri Perdana, hari ini dan dihadiri anggota keluarga terdekat.

Difahamkan, majlis akad nikah itu akan dilakukan Pemangku Imam Masjid Putra, Abd Manaf Mat, selepas Zuhur, kira-kira 2.30 petang.

Terdahulu, Abdul Aziz Mohd Yusof ketika memulakan ucapan aluannya menyampaikan ucapan tahniah bagi pihak warga KKDN kepada Perdana Menteri.

Sambil menyatakan rasa gembira mereka dengan berita pernikahan itu, Abdul Aziz menjual dua rangkap pantun kepada Abdullah yang kelihatan begitu ceria dan tersenyum setiap kali menerima usikan. Pantun Abdul Aziz berbunyi:

*"Mentari menyinar bulan
bercahaya,
Tanda gembira menerima
berita,
Pak Lah bahagia kami pun
suka,
Selamat sejahtera sepanjang
masa.*

*"Teman berbicara bergurau
senda,
Wanita dicinta Puan Jeanne
Abdullah,
Kepada Allah kami berdoa,
Bahagia gembira bersama
Pak Lah."*

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri, dalam ucapannya pula berseloroh dengan berkata, beliau akan menyimpan dulu pantun itu dan membelinya, kemudian kerana tidak mahu balasan pantunnya mungkin disalah tafsir.

"Terima kasihlah atas ucapan ta-



SEMOGA BAHAGIA: Abdullah menerima cendera hati daripada Zainol (kiri) yang memaparkan potret beliau bersama Jeanne sambil diperhatikan Abdullah Md Zin (tengah), di Putrajaya, semalam.

di... mudah-mudahan. Insya Allah, saya akan hidup bahagia," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin termasuk dua timbalannya, Datuk Mohd Johari Baharum dan Datuk Fu Ah Kiow.

Abdullah juga berkata, satu hari nanti beliau akan membawa bersama isterinya ke majlis anjuran KKDN untuk bertemu pegawai dan kakitangan kementerian itu.

"Insya Allah nanti saya akan bawa isteri saya bersama untuk berjumpa saudara saudari," katanya.

Di **KUALA LUMPUR**, Abdullah yang ditemui selepas melancarkan Projek Pembangunan Tanah Wakaf di Lot 168/169, Jalan Perak dekat sini, petang semalam berharap majlis perkahwinannya dengan Jeanne berjalan lancar.

Beliau secara berjenaka turut mengaku tidak risau menanti saat bahagia itu.

"Tak ada apalah nak dirisaukan. Insya-Allah, kita berharap semuanya berjalan baik esok (hari ini)," katanya sambil tersenyum.

Abdullah yang sedia membawa Jeanne ke majlis yang dihidanginya selepas ini, mengulangi nasihat semua kerajaan negeri tidak mengadakan sambutan sempena majlis perkahwinannya.

Terdahulu, pada majlis berkenaan,

Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood menghadiahkan potret memaparkan gambar Abdullah dengan Jeanne yang disiarkan kebanyakan media, Khamis lalu dan sehelai songket.

"Boleh pakai esok ni (hari ini untuk majlis perkahwinannya)," katanya yang kemudian disambut tepukan daripada hadirin.

Jeanne, anak sulung daripada empat beradik dan dilahirkan di Kuala Lumpur pada 29 Julai 1953, ialah bekas adik ipar Allahyarham Datin Seri Endon Mahmud.

Beliau yang berpisah dengan suaminya sejak 15 tahun lalu, mempunyai dua anak, Nadiyah dan Nadene.

"Bila masa buat lawatan ke negeri nanti, saya akan bawa bersama beliau (Jeanne). Masa itulah saya perkenalkan, cara itu lebih mudah"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Jeanne menerima pendidikan di Sekolah Menengah Assunta dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan perhotelan selepas terbabit dalam pengurusan beberapa hotel terkemuka di Malaysia, termasuk Hotel Hilton Kuala Lumpur dan Hotel Pan Pacific.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Pengelola kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri dan Pengurus Kompleks Seri Perdana.

Sementara itu, Pekeliling Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Badan-Badan Berkanun menyatakan Jeanne akan dirujuk dengan panggilan rasmi Yang Amat Berbahagia Datin Seri Jeanne Abdullah selepas majlis akad nikah itu.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada Abdullah yang bakal melangsungkan pernikahannya dengan Jeanne Abdullah hari ini.

Dalam ucapannya selepas upacara menyambut kepulangan Pasukan Merdeka de Everest 2007 di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini semalam, Dr Mahathir berharap Abdullah hidup bahagia dengan pilihannya itu.